

SOALAN NO:12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN NG WEI AIK

TARIKH: 2 DISEMBER 2015

SOALAN:

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah bantuan yang boleh diberi melalui Jabatan Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk membantu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang menghadapi masalah kewangan yang serius dalam mematuhi arahan JKKP untuk memasang *Car Locking Device* dan *Emergency Battery Operated Power Supply (EBOPS)* bagi setiap lif penumpang.

PR-1333-L70473

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) adalah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus dan

menguatkuasakan perundangan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di negara ini dengan wawasan membudayakan setiap pekerjaan yang dijalankan adalah selamat dan sihat serta jentera yang digunakan adalah selamat.

2. Seksyen 17(1), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 memperuntukkan kewajipan majikan untuk menjalankan pengusahaannya dengan cara memastikan setakat yang praktik, orang lain tidak terdedah kepada risiko keselamatan mereka oleh sebab pengusahaannya itu.

3. Melalui peruntukan perundangan tersebut menunjukkan bahawa pengguna-pengguna lif penumpang terdedah kepada risiko berlakunya kemalangan sekiranya *Car Locking Device* dan *Emergency Battery Operated Power Supply (EBOPS)* bagi setiap lif penumpang tidak dipasangkan. Ianya merupakan kelengkapan keselamatan yang penting dan perlu diberi perhatian oleh pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) bagi memastikan lif-lif penumpang dibawah perusahaannya adalah selamat digunakan demi kepentingan orang awam.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Antara bantuan yang boleh diberikan oleh JKPP/DOSH untuk membantu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang menghadapi masalah kewangan yang serius dalam mematuhi arahan JKPP adalah seperti berikut:

i) Penetapan Standard:

JKKP telah menyediakan dan mempromosi Garis Panduan Keselamatan Bagi Penggunaan Lif dan Eskalator. Garis Panduan ini disediakan untuk memastikan lif-lif penumpang dibina, disenggara dan digunakan dengan selamat dan dapat mengelakan risiko kemalangan daripada berlaku.

ii) Penguatkuasaan dan Audit KKP berterusan :

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) juga menjalankan pemeriksaan berkala terhadap lif penumpang dan audit pematuhan terhadap perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ke atas semua sektor pekerjaan termasuklah premis-premis yang menggunakan lif penumpang.

iii) Promosi, latihan dan dialog:

Dalam usaha JKKP untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja, majikan dan orang awam tentang keselamatan penggunaan lif penumpang, penerangan dan pendedahan berkaitan dengan risiko-risiko bahaya yang mengundang kepada kemalangan yang melibatkan lif penumpang telah banyak dilaksanakan. Ini bertujuan supaya semua pihak mempunyai rasa tanggungjawab untuk memastikan lif penumpang digunakan dengan

selamat. Penggunaan lif penumpang secara bertanggungjawab dapat mengurangkan kerosakan dan sekaligus mengurangkan kos penyenggaraan lif oleh pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC).